

09/02/1998

Badan khas kumpul sumbangan rakyat (HL)

Jamhariah Jaafar; Mona Ahmad

KUALA LUMPUR, Ahad - Kerajaan akan menubuhkan sebuah badan khas bagi mengumpul sebarang sumbangan rakyat untuk meningkatkan simpanan negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Orang ramai boleh memberi apa juga sumbangan seperti harta, barang dan wang kepada badan itu. Hasil kutipan boleh dijual untuk mendapatkan tukaran asing dan dijadikan sebahagian rizab negara.

Menurut Perdana Menteri, badan khas yang masih belum diberi nama itu sudah diluluskan oleh Kabinet. Bagaimanapun, mekanisme badan berkenaan belum diputuskan.

"Kita sedang mengurus perkara itu. Badan khas ini akan mengutip segala derma yang hendak diberi oleh mana-mana pihak. Badan khas ini dibentuk oleh kerajaan. Orang ramai boleh menderma dalam bentuk apa juga, harta, barang, wang, apa saja.

"Kita akan menerima apa saja bentuk derma yang boleh membantu. Adalah lebih baik kita tidak meminta kepada orang lain," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan Tabung Ehsan Wanita dan majlis sambutan Kongsi Raya Barisan Nasional (BN), di Pusat Dagangan Dunia Putra, hari ini.

Turut hadir, isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, yang juga Pengerusi Wanita BN; Setiausaha Agung BN, Datuk Mohamed Rahmat; dan semua 14 ketua pergerakan wanita parti komponen BN.

Badan khas ini adalah cadangan terbaru kerajaan bagi meningkatkan simpanan negara, selepas meminta orang ramai terutama wanita menjual barang kemas bagi meningkatkan kecairan negara, menabung serta mengekang diri daripada membeli barangan import.

Pengumpulan sumbangan seumpama itu sudah dilakukan oleh rakyat Korea Selatan dan Thailand, yang teruk dilanda kegawatan ekonomi sebagai usaha membantu negara mereka.

Sambil menyatakan badan khas itu akan ditubuhkan secepat mungkin, Dr Mahathir berkata, beliau tidak dapat meramal sambutan orang ramai.

"Saya tidak tahu sama ada mereka akan menderma, mungkin mereka menderma dan mungkin tidak. Kalau mereka ingin memberi, kami akan menerimanya.

"Kita bukan minta banyak tetapi walaupun sedikit, ia berguna. Kita boleh jual bagi dapatkan tukaran asing untuk kita jadikan sebahagian daripada rizab kita," katanya.

Ditanya berapa jumlah simpanan negara sekarang, Perdana Menteri berkata, ia mencukupi untuk membolehkan kerajaan mengelak daripada membuat pinjaman daripada agensi kewangan antarabangsa.

Mengenai kemungkinan orang menyamar untuk mengutip derma bagi badan khas itu, Dr Mahathir berkata, tempat tertentu akan disediakan bagi menjalankan kutipan.

Sebelum itu, dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata, kutipan yang akan dikendalikan oleh badan itu bukan bertujuan membeli saham sebagai pelaburan tetapi bagi meningkatkan rizab negara.

"Kalau ini dapat dibuat, ia akan dapat memulihkan ekonomi negara kita. Kalau ada wang yang lebih atau barang kemas yang kita tak berapa nak guna sangat... bukan saya hendak minta tetapi kalau nak menderma kepada negara, kita terima kerana ini akan membantu meningkatkan rizab kita," katanya.

Beliau berkata, apabila ekonomi negara pulih, rakyat juga akan merasai nikmatnya.

Dr Mahathir turut mengalu-alukan usaha Pergerakan Wanita BN melancarkan

kempen Ehsan Wanita iaitu tabungan bagi meningkatkan kecairan negara dalam usaha menangani kegawatan ekonomi sekarang.

Menurutnya, gabungan usaha seperti itu boleh meningkatkan simpanan negara dan jika disertai semua pihak, ia mampu memulihkan kedudukan ekonomi dengan lebih cepat.

"Parti lawan juga boleh turut membantu kerana kerjasama ini adalah penting dalam usaha untuk memastikan pemulihan ekonomi boleh tercapai lebih awal lagi," katanya.

Beliau yakin tabung itu akan digunakan secara bijak oleh mereka yang akan menguruskannya termasuk membuat pelaburan saham.

"Pengurus wang yang akan dikumpul ini mestilah daripada orang yang cekap dalam bidang pelaburan supaya pelaburan itu boleh membantu menaikkan nilai saham dan memberi keuntungan kepada peserta.

"Apa yang kita hulurkan ini bukanlah satu derma yang kita anggap sebagai derma hangus dan hilang begitu saja tetapi sebaliknya ia akan memberi pulangan kepada kita," kata Perdana Menteri.

(END)